



04 FEB, 2025

PM nafi tarif elektrik naik 14% Julai ini

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan tarif asas elektrik di Semenanjung akan meningkat sebanyak 14 peratus, bermula Julai ini.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bagaimanapun men-

PM nafi tarif elektrik naik 14% Julai ini

jelaskan kenaikan tarif elektrik tetap berlaku dengan kadar bakal ditetapkan selepas semakan semula.

Ketetapan itu, katanya, perlu dibuat memandang-

kan kenaikan kadar tarif elektrik perlu berlaku, berpandukan kapasiti dan harga pada tempoh tertentu.

"Mengenai isu Ketidakseimbangan Pelepasan Kos

Bahan Api (ICPT), kadar pemindahan elektrik bukan 14 peratus. Tidak.

"Seperti yang anda tahu, kajian semula setiap enam bulan adalah berdasarkan harga semasa. Justeru, saya

tidak fikir ia akan menjadi sesuatu yang terlalu membebankan atau merugikan masyarakat.

"Kita bersedia untuk mendengar (pandangan pelbagai pihak mengenai cadangan kenaikan tarif elektrik).

"Sudah pasti ia bukan seperti yang dikatakan. Ini sebabnya saya baru saja semak dengan Zafrul (Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz) sekiranya saya tersilap fakta," katanya.